

PM adakan pertemuan dengan firma terkemuka UK

Standard Chartered Bank sedang teroka kemungkinan jalin kerjasama dengan Malaysia

London: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam, mengadakan pertemuan perniagaan bersemuka dengan beberapa syarikat terkemuka ketika lawatan beliau ke United Kingdom (UK).

Antara mesyuarat itu adalah dengan Standard Chartered Bank (SCB) yang diketuai Ketua Pegawai Eksekutifnya, Bill Winters.

Menurut pegawai Malaysia, SCB sedang meneroka kemungkinan untuk kerjasama dengan kerajaan Malaysia dan Singapura bagi memudahkan kemasukan perniagaan global ke Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

Selain itu, Anwar turut bertemu dengan pegawai daripada Jaguar Land Rover (JLR), Raw Energy dan Yondr yang mempunyai projek sedang dibangunkan di Taman Teknologi Sedenak di Johor.

Turut hadir pada pertemuan berkenaan ialah Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Pe-

laburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Terdahulu, Perdana Menteri menghadiri mesyuarat meja bulat dengan pemimpin industri di UK yang disertai 53 pemain industri terkemuka daripada 30 syarikat dan organisasi.

Antaranya Airbus UK, GKN Aerospace, British Malaysian Chamber of Commerce, Shell dan BAE System.

Selain itu, Anwar melawat Battersea Power Station, pelabuhan terbesar Malaysia membatik dana awam di Eropah.

Ketibaan Anwar yang berada di sini dalam lawatan kerja selama lima hari ke UK, disambut Pengerusi Battersea Project Holding Company Ltd, Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan serta Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), Datuk Abdul Rahman Ahmad.

Perdana Menteri diberikan taklimat mengenai projek pembangunan semula seluas 16.97 hektar itu yang berpusat di Battersea Power Station yang ikonik dan disenaraikan sebagai pembangunan Gred II.

Transformasi pembangunan guna campuran berskala besar itu diterajui oleh konsortium syarikat Malaysia yang terdiri daripada PNB, Sime Darby Property, S P Setia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Di sini, Anwar diiringi Johari,



Anwar bersama Zambry (tiga dari kiri) serta Johari (empat dari kiri) dan delegasi melawat Battersea Power Station di UK. (Foto BERNAMA)

Tengku Zafrul, Zambry dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Bala Chandran Tharman.

Battersea Power Station antara projek pembangunan semula terbesar di Eropah, menempatkan lebih 4,000 rumah baharu, 3.5 juta kaki persegi ruang komersial bercampur, 7.69 hektar ruang awam dan 20,000 pekerjaan, dengan kira-kira separuh daripada kawasan itu telah siap setakat ini.

Hari ini, mercu tanda ikonik itu mempunyai lebih 150 kedai, kafe, restoran dan menawarkan pengalaman rekreasi, lebih 3,000 penduduk, lebih 6,600 pekerja dan dihubungkan dengan pusat bandar London melalui stesen Underground Zon 1 yang baharu.

Mendapat pengiktirafan National Geographic sebagai antara 20 'Tempat Budaya Terbaik' di dunia pada 2024, Battersea Power Station menerima lebih 24 juta pengunjung sejak dibuka kepada orang ramai pada Oktober 2022.

BERNAMA



Anwar beramah mesra selepas mesyuarat Meja Bulat bersama Pemimpin Industri di United Kingdom, London, semalam. (Foto BERNAMA)